

02/09/2003

Presiden Afrika Selatan tiba untuk lawatan tiga hari

SEPANG: Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki (gambar) tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini semalam untuk lawatan negara selama tiga hari.

Ketibaan Mbeki disambut Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Chan Kong Choy selaku Menteri Pengiring.

Esok, Mbeki diberi sambutan negara di dataran Parlimen sebelum menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di Putrajaya bagi membincangkan hubungan dua hala.

Malam ini, Mbeki bersama kira-kira 70 anggota delegasi diraikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail di majlis makan malam di Istana Negara.

Sempena lawatan Mbeki, Malaysia dan Afrika Selatan menandatangani perjanjian kerjasama dalam bidang ekonomi, saintifik, teknikal dan kebudayaan serta memorandum persefahaman mengenai penubuhan Suruhanjaya Bersama.

Mbeki juga berucap di Forum Antarabangsa ISIS dan menyampaikan ucapan pada majlis makan tengah hari yang dianjurkan bersama Majlis Perniagaan Malaysia-Afrika Selatan dan Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli).

Ini adalah lawatan kedua pemimpin Afrika Selatan selepas Nelson Mandela.

- Bernama